

Edisi 1

SEMAI KASIH

EDARAN PERCUMA
JANUARI-JUN
2025



YAPEIM



Perasmian Ibu Pejabat YAPEIM

Sumbangan Sinar Kasih oleh YAPEIM
sebanyak RM470,000 kepada
golongan memerlukan



Ramadan MADANI YAPEIM

YAPEIM peruntukan RM1.2 juta
bagi menyantuni 7,500 pelajar
di 25 lokasi di Malaysia



Aidilfitri MADANI YAPEIM

Sebanyak RM500 ribu
diperuntukkan kepada
3,850 penerima manfaat
di 9 lokasi di Malaysia



YAPEIM



Setinggi-tinggi Tahniah

YBrs. Tuan Abdul Khudus bin Mohd Naaim

atas pelantikan sebagai

**Pengerusi
Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia**

berkuat kuasa
1 Januari 2025

Ke Arah Transformasi Cemerlang



15-16 Januari 2025



Pengurusan dan Sekretariat YAPEIM telah bersama-sama menjayakan sesi Pelan Pembangunan Strategik Transformasi Budaya, sebuah langkah penting dalam membentuk hala tuju strategik organisasi.

Sesi ini turut diserikan dengan kehadiran Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YAPEIM Tuan Abdul Khudus bin Mohd Naaim yang menyampaikan aspirasi beliau untuk memperkukuhkan peranan YAPEIM sebagai sebuah institusi pembangunan ekonomi Islam.

Komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak dalam sesi ini mencerminkan tekad untuk merealisasikan transformasi budaya kerja yang lebih progresif, inklusif dan dinamik demi mencapai visi dan misi organisasi.

Bersama kita melangkah ke hadapan, membina impak yang lebih besar untuk masyarakat!

Program Sinar Kasih bantuan kebajikan anak-anak yatim

2 Januari 2025



YAPEIM menyalurkan sumbangan berjumlah RM6,900 kepada dua anak mangsa kemalangan maut di Kilometer 204 Lebuhraya Utara-Selatan pada 23 Disember lalu.

Sumbangan disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Terengganu.



27 Januari 2025

YAPEIM menyalurkan sumbangan berjumlah RM7,200 kepada tiga orang anak yatim kematian bapa akibat kemalangan maut di Kampung Alur Tuman, Marang, Terengganu.

Sumbangan disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YAPEIM Tuan Abdul Khudus bin Mohd Naaim kepada Puan Nor Azizah binti Megat Mansor di rumahnya Kampung Seberang Takir, Kuala Nerus.

Turut hadir Pengurus Wilayah Timur YAPEIM Encik Nik Mohd Nurul Ihsan bin Salleh dan Pengurus YAPEIM Negeri Terengganu Puan Kartina binti Ahmad.

Program Sinar Kasih kepada tiga orang anak yatim kematian bapa akibat kemalangan maut



22 Januari 2025

YAPEIM menyalurkan bantuan berjumlah RM7,200 kepada tiga orang anak yatim kematian bapa akibat kemalangan maut di bawah Program Sinar Kasih. Mereka menerima bantuan RM200 sebulan setiap seorang selama setahun. Masih terngiang-ngiang kata-kata, "Jumpa lagi, emak," sambil melambai tangan kepada ibunya.

Itulah lambaian terakhir Muhamad Khairi bin Abd. Khadir, 37, kepada ibunya, Puan Alya Ayob Ibrahim, 69, yang maut dalam kemalangan jalan raya di Pokok Tampang, Tasek Gelugor, tahun lalu. Allahyarham meninggalkan seorang balu, Puan Nur Farhana Ibrahim, 39, serta tiga orang cahaya mata, Dhia Zara Alisyia, 12, Dhia Airis Sofia, 11, dan Ahmad Lutfi, 8. Sumbangan disampaikan Pengurus YAPEIM Negeri Pulau Pinang, Encik Haslizol Abu Hassan kepada Puan Nur Farhana di rumahnya di Kampung Padang Menora, Tasek Gelugor.

Program Sinar Lestari YAPEIM: Ke arah kelestarian masa hadapan komuniti



27 Januari 2025

Pada 27 Januari 2025 yang lalu bertempat di Tawau, Sabah, kami telah menyerahkan sumbangan berjumlah RM220,000 bagi pelaksanaan Program Sinar Lestari YAPEIM ketika Majlis Serahan Program Mobiliti TH 2024 Peringkat Negeri Sabah yang disempurnakan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar.

Program yang menasaskan bantuan untuk golongan B40 dan kurang berkemampuan dengan penyediaan tempat tinggal serta premis perniagaan yang lebih selesa di Sabah ini turut mendapat kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) Negeri Sabah.

Program Sinar Lestari YAPEIM merupakan salah satu di antara inisiatif-inisiatif kami dalam meningkatkan taraf hidup serta menyuntik harapan buat golongan yang berpotensi tetapi kurang berasib baik melalui pelbagai jenis bentuk bantuan agar mereka dapat meneruskan kehidupan dengan keadaan yang lebih baik.

Program Sinar Kasih bantuan kebajikan anak-anak yatim

Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Itulah perumpamaan yang sesuai bagi menggambarkan keadaan Puan Halimah dari Pahang, yang kehilangan suami akibat kemalangan jalan raya. Bagi meringankan beban beliau serta lima orang anaknya, YAPEIM telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM12,000 menerusi Program Sinar Kasih.



27 Januari 2025



Program Sinar Kasih

Menyantuni anak-anak kehilangan ketua keluarga secara mengejut khususnya yang mengalami kemalangan dan musibah



► **Kemalangan**



► **Kebakaran**



► **Mati lemas**



► **Bencana Alam**



Islam Mekar Di Bumi Malaysia: Lima agenda amanat Al-Falah 2025 dilancar

23 Januari 2025

Kira-kira 350 pegawai dan kakitangan 14 buah agensi agama bersama ketua agensi masing-masing hadir ke Majlis Amanat dan Perhimpunan Agensi di Bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) 2025. Majlis yang diadakan di Auditorium Masjid Putra, Putrajaya itu disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar yang kemudian menyampaikan Amanat Al-Falah 2025: Islam Mekar Di Bumi Malaysia.

YB Menteri turut melancarkan Direct Debit YAPEIM, menyampaikan hadiah kepada tiga penyumbang bertuah Direct Debit YAPEIM, meluncur buku Darul Quran dan 25 tahun Institut Latihan Islam Malaysia, dan melancar program Hadis@114, satu program harian baharu di TV Al-Hijrah. Terdahulu dalam amanat yang disampaikan, YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im menyenaraikan lima agenda Amanat Al-Falah 2025, iaitu:-

1. Mengangkat pembangunan Al-Quran dan Hadis;
2. Meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam;
3. Memperkukuh aplikasi teknologi dalam tadbir urus Islam;
4. Melestarikan kesejahteraan sosial ummah; dan
5. Memperkasa perpaduan ummah dan keharmonian tamadun.

Beliau mengajak seluruh warga kerja agensi meningkatkan usaha, berganding bahu bekerjasama dan menumpukan fokus bagi menjayakan usaha meninggikan syiar Islam seterusnya meningkatkan kemajuan ummah.

Untuk perhimpunan kali ini, YAPEIM dan TV AlHijrah berupa hos bersama, manakala JAKIM bertindak sebagai penyelaras utama. Program ini juga menyaksikan kesemua 14 agensi agama mengambil bahagian dalam pameran di reruai yang disediakan di Masjid Putra pada 23 dan 24 Januari 2025.



YAPEIM dan Rakan Strategik sampaikan bantuan bernilai lebih RM240,000

YAPEIM bersama rakan strategik telah menyerahkan dua buah rumah di bawah inisiatif program Sinar Lestari melibatkan peruntukan berjumlah RM230,000. YAPEIM juga menyalurkan bantuan Sinar Kasih berjumlah RM12,000 kepada sebuah keluarga yang kematian pencari nafkah.

Encik Alizan bin Abu Seman dari Kampung Pasir Pandak, Jalan Santubong, Kuching dan Encik Farhan Nur Aiman bin Abdullah dari Kampung Asajaya Laut, Asajaya berupa buruh rencam masing-masing menerima kunci rumah tersebut. Kerja-kerja pembinaan rumah Encik Alizan telah dimulakan sejak 10 Mei 2024 dan siap sepenuhnya pada 20 Disember 2024 dengan peruntukan RM80,000 daripada YAPEIM dan bantuan tambahan daripada pejabat Ahli Parlimen Santubong sebanyak RM30,744.



10 Februari 2025

Program YAPEIM Prihatin bantu asnaf memerlukan



1 Februari 2025

YAPEIM telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM500 kepada Puan Rokiah binti Nordin, seorang ibu tunggal yang mempunyai dua orang anak dan salah seorang anaknya merupakan orang kurang upaya (OKU).

Beliau dan anak-anaknya yang menetap di Kuala Krai, Kelantan tidak mempunyai dokumen pendaftaran yang sah, menyebabkan mereka tidak menerima bantuan daripada pihak berwajib dan terpaksa tinggal di pondok usang. Puan Rokiah berterima kasih atas sumbangan yang dihulurkan melalui Program YAPEIM Prihatin yang dapat meringankan beban mereka sekeluarga.

Ibu tunggal lima anak dibantu YAPEIM



11 Februari 2025

Puan Shafira binti Rasli dari Sarawak hilang tempat bergantung selepas suaminya Tony bin Sumiran meninggal dunia secara mengejut di tempat kerja pada 12 Mei tahun lalu menyebabkan dia bersama lima lagi anaknya hidup dalam serba kekurangan.

YAPEIM menyalurkan bantuan Sinar Kasih pada lima anak yang berusia dari 4 bulan dan 11 tahun melibatkan bantuan RM200 sebulan seorang selama 12 bulan.

Tahukah Lestari Anda?

Program Sinar Lestari YAPEIM telah dilancar pada tahun 2020 sehingga Jun 2025

RM YAPEIM memperuntukkan **RM13.5 juta**

🏠 Projek bina baharu & baik pulih kediaman di seluruh negara **293 buah**

🏠 Projek bina baharu **126 buah**

🏠 Projek baik pulih **167 buah**

🏠 Projek telah siap **199 buah**

🏠 Dalam proses pembinaan **94 buah**



Ziarah MADANI YAPEIM – Sumbangan RM60,000 kepada mangsa banjir di Serian

11 Februari 2025

Seramai 200 mangsa banjir di daerah Serian di Sarawak menerima bantuan musibah banjir berjumlah RM60,000 daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) dalam program Ziarah MADANI YAPEIM.

Serahan bantuan berbentuk RM200 tunai dan set Foodbank bernilai RM100 setiap seorang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YAPEIM Tuan Abdul Khudus bin Mohd Naaim di Dewan Kampung Hulu Serian.

Serahan bantuan musibah banjir ini adalah yang pertama sejak bencana berkenaan mula melanda negeri Sarawak pada minggu lalu. Selain Serian, daerah-daerah lain yang terlibat ialah Miri, Bintulu, Sibul, Samarahan dan Mukah.

Untuk tahun 2024, YAPEIM telah menyalurkan sumbangan berjumlah hampir RM400,000 membabitkan lebih 6,000 penerima manfaat di negeri Sarawak. Manakala sejak tahun 1985 hingga 2024, YAPEIM telah mengagih sejumlah kira-kira RM710 juta kepada hampir 10 juta penerima manfaat di seluruh negara.

YAPEIM salurkan RM316,000 bagi Program Santuni MADANI di Johor

15 Februari 2025



YAPEIM menyalurkan sumbangan berjumlah RM316,000 dalam Majlis Santuni MADANI YAPEIM dalam bentuk Projek Pembangunan Komuniti YAPEIM (PPKY) Peringkat Negeri Johor.

Majlis disempurnakan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Labis, Labis, Johor.





YAPEIM raikan jasa lapan pegawai dalam Majlis Sanjungan Budi, Lambaian Kasih



27 Februari 2025

YAPEIM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala sumbangan yang telah dicurahkan dan mendoakan agar mereka dikurniakan kesihatan yang baik serta kejayaan dalam apa jua yang bakal ditempuhi.

KeSSKY & Etiqa Motorcycle Community (EMC) santuni warga Pondok Darul Muttaqin

23 Februari 2025

Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan YAPEIM (KeSSKY) dengan kerjasama Etiqa Motorcycle Community (EMC) menyantuni warga Pondok Darul Muttaqin dalam Program Jelajah #ridetoramadan 2025 di Paya Rumpit, Melaka semalam. Sebelum itu, majlis pelepasan kumpulan konvoi motosikal dan kereta terbabit telah dilakukan di Ibu Pejabat YAPEIM di Menara Ochre, Putrajaya dan disempurnakan oleh Ketua Divisyen Tadbir Urus YAPEIM Encik Rozaidie bin Mustafa. Hadir sama Presiden KeSSKY Encik Mohd Radzali bin Abd Latiff dan Presiden EMC Encik Shamsul Fariz bin Ramli.

Kira-kira 100 peserta terdiri dalam kalangan ahli KeSSKY dan ahli EMC menyertai siri jelajah zon selatan ini dengan jarak perjalanan kira-kira 110 kilometer yang mengambil masa dua jam. Antara aktiviti sukarelawan dilaksana ialah gotong-royong membersihkan kawasan kelas, asrama dan surau. Para peserta juga turut melakukan kerja mengecat dan bergotong-royong memasak juadah makanan. Selain itu, program ini juga turut menyumbang barangan kelengkapan asrama dan wang tunai kepada anak-anak pelajar asrama.

Mudir Pondok Darul Muttaqin, Tuan Guru Mualim Amir bin Ali mengucapkan terima kasih kepada penganjur dan seluruh peserta kerana meluangkan masa menyantuni mereka melalui jelajah #ridetoramadan 2025 ini. Jelajah #ridetoramadan 2025 sebelum ini telah menjelajah ke Pekan, Pahang dan dijangka akan melakukan program sama pada April ini di Pulau Pinang.



Warga YAPEIM memulakan tugas di ibu pejabat baharu

3 Mac 2025

Langkah baharu, semangat baharu! Hari ini, 3 Mac 2025 bersamaan 2 Ramadan 1446H, semua warga kerja di ibu pejabat YAPEIM memulakan tugas di pejabat baharu di Menara Ochre @ Alamanda di Putrajaya. Ketibaan Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah YAPEIM Tuan Ameer Ali bin Vali Mohamed di lokasi baharu ini pada 8:25 pagi disambut warga kerja YAPEIM, sebelum menyempurnakan simbolik pembukaan operasi rasmi.

Beliau turut melawat ruang pejabat di Tingkat 4 dan 5, dan beramah mesra dengan warga kerja. Semoga dengan persekitaran kerja yang lebih kondusif ini, YAPEIM terus maju dalam menyantuni masyarakat dan memperkasakan ekonomi ummah.



Indahnya Ramadan, Eratnya Ukhwah

10 Mac 2025



YAPEIM telah menyumbang 1,000 pek juadah berbuka puasa buat para jemaah di Majlis Berbuka Puasa Bersama YAB Perdana Menteri. Majlis penuh keberkatan yang berlangsung di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya ini telah menghimpunkan lebih 10,000 umat Islam daripada pelbagai latar belakang, bersatu dalam suasana keindahan Ramadan.

Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan isteri YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail menyantuni mereka yang hadir. Majlis turut disemarakkan dengan tausiah yang menyentuh jiwa oleh Sahibul Fadilah Dato' Badli Shah Alauddin, Timbalan Mufti Pahang, bertajuk "Ramadan Pemacu Ummah". Perkongsian penuh hikmah ini menyuntik inspirasi untuk kita terus memperkukuh keimanan dan kesatuan sebagai umat Islam.

Semoga program seperti ini terus menjadi pemangkin kepada perpaduan serta kasih sayang sesama kita, menyemarakkan roh Ramadan yang suci.



- peruntukan RM1.2 juta
- lebih 25 lokasi
- penerima manfaat 7,700 pelajar



Ramadan MADANI YAPEIM peringkat Sabah peruntuk RM47,000, bantu kumpulan memerlukan



Ramadan MADANI YAPEIM peruntuk RM45,000, bantu kumpulan memerlukan di UM

Tahukah Anda!

Secara keseluruhan sejak tahun **1985-2024**



YAPEIM telah mengagihkan

RM 710.5 juta



Penerima manfaat di seluruh negara

RM 9.8 juta

Membabitkan tiga teras YAPEIM iaitu:

1. Pembangunan Ekonomi Islam,

2. Pembangunan Pendidikan

3. Pembangunan Kemasyarakatan



16 Mac 2025

Ramadan MADANI YAPEIM peruntuk RM45,000, bantu pelajar memerlukan di Besut



17 Mac 2025

YAPEIM menyantuni pelajar yang memerlukan di Jeli dan Arau lewat petang ini melalui Ramadan MADANI YAPEIM



18 Mac 2025

YAPEIM salur sumbangan RM88,000, bantu pelajar di Johor Bahru dan Port Dickson



21 Mac 2025

Ramadan MADANI YAPEIM sumbang RM84,500 di PULAPOL Kuala Lumpur dan UTHM Batu Pahat, Johor



22 Mac 2025

YAPEIM sumbang RM45,000 melalui Ramadan MADANI YAPEIM, bantu pelajar memerlukan di Gambang, Pahang

Program Ramadan MADANI YAPEIM di 3 lokasi petang ini salur sumbangan bernilai RM137,000

20 Mac 2025



24 Mac 2025

Program Ramadan MADANI YAPEIM di UUM Sintok, Kedah dan GMI Kajang, Selangor salur sumbangan RM92,000



25 Mac 2025

YAPEIM peruntuk RM90,000 melalui Program Ramadan MADANI YAPEIM di Kolej Universiti Bestari, Setiu, Terengganu dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan di Kota Bharu



Setinggi-tinggi penghargaan dan

Terima Kasih

YBRS. TUAN HAJI AMEER ALI BIN VALI MOHAMED

atas segala jasa, kepimpinan
dan khidmat bakti sebagai

Ketua Pengarah
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

bagi tempoh
11 April 2023 - 10 April 2025



Setinggi-tinggi
Tahniah

Diuucapkan kepada
YBRS. TUAN HAJI SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI

atas pelantikan sebagai
Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAPEIM
(Berkuatkuasa 11 April 2025)



YAPEIM umum pelantikan Zabidi bin Nasan selaku Ketua Pengarah YAPEIM baharu

11 April 2025

PUTRAJAYA, 11 April 2025 – Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) mengumumkan pelantikan Zabidi bin Nasan sebagai Ketua Pengarah.

Pelantikan Zabidi, 53, dibuat bagi menggantikan Ameer Ali bin Vali Mohamed, 61, yang menamatkan perkhidmatannya semalam, setelah memacu yayasan ini selama dua tahun.

Tahniah



YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im ziarah anak kakitangan YAPEIM

26 April 2025 - Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar hari ini meluangkan masa menziarahi adik Nur Raisya Safiya binti Sollehuddin yang berusia 10 bulan di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis.

Adik Nur Raisya Safiya yang menghidap masalah paru-paru kronik sejak lahir merupakan anak kepada kakitangan PPYN Kedah & Perlis, iaitu Puan Rozainora binti Rosley.

YB Senator Dato' Setia kemudian turut menyerahkan sumbangan Ziarah MADANI YAPEIM berupa bantuan perubatan tunai berjumlah RM2,000 dan sumbangan sedekah Subuh serta bantuan sakit kritikal daripada Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan YAPEIM (KeSSKY) berjumlah RM1,500.

Program ziarah itu turut disertai Ketua Pengarah YAPEIM Tuan Haji Zabidi bin Nasan. Kami seluruh warga kerja YAPEIM mendoakan adik Nur Raisya Safiya kembali sihat dan dapat menjalani kehidupan seperti insan lain.



26 April 2025



Aidilfitri MADANI YAPEIM salur RM46,500 bantu masyarakat Sabah memerlukan



14 April 2025



Program
**Aidilfitri
MADANI**
YAPEIM 2025

 **peruntukan RM500 ribu**

 **9 lokasi**

 **penerima manfaat 3,850 orang**

YAPEIM rasmi ibu pejabat baharu, turut salur sumbangan RM470,000



21 April 2025



YAPEIM peruntuk RM196,500, bantu masyarakat memerlukan



27 April 2025

Penutup tirai Aidilfitri MADANI YAPEIM salur RM46,500, bantu masyarakat di Kuala Pilah



29 April 2025



Majlis Tilawah & Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1446H/2025M: Kejayaan Cemerlang, YAPEIM raikan dengan Dinar Emas

11 Mei 2025

YAPEIM telah berbesar hati untuk menaja hadiah tambahan kepada johan setiap kategori tilawah dan hafazan berupa 1 dinar emas YAPEIM Gold berjumlah keseluruhan RM16,000.



8 Mei 2025

YAPEIM bantu peniaga pakaian, bina rumah berjumlah RM85,000



8 Mei 2025

YAPEIM anjur PPKY Ke-13, salur RM235,000 kepada masyarakat memerlukan

Forum Perdana Ehwal Islam di Pulau Langkawi



15 Mei 2025

Sekitar Program Forum Perdana Ehwal Islam yang berlangsung di Masjid Aishah, Pulau Langkawi, malam tadi. YAPEIM turut menyumbangkan keraian sebagai sokongan kepada penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan pengimarahkan masjid.

Turut hadir Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar dan Ketua Pengarah YAPEIM, Tuan Haji Zabidi bin Nasan.

YAPEIM salur bantuan RM27,200 kepada komuniti Pulau Langkawi

16 Mei 2025



LANGKAWI, 16 Mei 2025 – Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) meneruskan komitmen memperkasakan komuniti luar bandar menerusi Program Santuni Komuniti MADANI di Langkawi dengan jumlah bantuan keseluruhan sebanyak RM27,200.

Sebanyak RM17,200 diagihkan kepada 80 orang nelayan di Pulau Tuba, masing-masing menerima bantuan tunai RM150 dan jaket keselamatan bernilai RM65. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan meringankan beban golongan nelayan, tetapi turut menitikberatkan aspek keselamatan mereka dalam rutin harian di laut demi kelangsungan hidup keluarga.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, di Jeti Teluk Puyuh, Pulau Tuba.

Turut hadir, Ketua Pengarah YAPEIM, Tuan Haji Zabidi bin Nasan, wakil agensi tempatan serta pemimpin komuniti. Sebagai tambahan, YAPEIM turut menyerahkan Geran

Keusahawanan berjumlah RM5,000 kepada usahawan tempatan, Lekoshow Pulau Tuba, bagi menyokong pengembangan perniagaan dan menjana peluang pendapatan di peringkat komuniti.

Dalam rangka lawatan kerja yang sama, sumbangan keraian sebanyak RM5,000 turut diberikan kepada Masjid Aishah, Pulau Langkawi, sebagai sokongan kepada penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan pengimarah masjid.

Program ini adalah sebahagian daripada pendekatan bersasar YAPEIM dalam membantu golongan berpendapatan rendah dan sektor tradisional seperti perikanan serta keusahawanan mikro. Semua sumbangan ini disalurkan menerusi Tabung Amanah YAPEIM, hasil sumbangan orang ramai.

YAPEIM kekal komited dalam agenda pembangunan ummah yang inklusif dan berimpak tinggi selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan Transformasi Pelan Al Falah.



27 Mei 2025

Perasmian Pavilion Al-Falah & Pelancaran buku baharu agensi agama

Dr. Zaharuddin bin Abd Rahman
Penulis Ensiklopedia
FIQH MUAMALAT DAN KEWANGAN ISLAM

Mufti Wilayah Persekutuan Sahibus Samahah Ahmad Fauwaz bin Fadzil sempat singgah mengunjungi reruai YAPEIM di PBAKL 2025 dan turut membeli buku yang dijual di reruai YAPEIM

30 Mei 2025





1 Jun 2025



Hari Terakhir PBAKL 2025!

Sekitar kemeriahan hari terakhir Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 Hari ini turut berlangsung Majlis Perasmian Penutupan PBAKL 2025 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri di Pentas Utama PBAKL 2025.

YAB Perdana Menteri sempat meluangkan masa melawat Pavilion Al-Falah yang menempatkan reruai agensi-agensi agama sebagai tanda sokongan kepada usaha memperkukuh peranan institusi agama dalam pembangunan negara.

Selain itu, sesi ramah mesra bersama penulis Ensiklopedia Fiqh Muamalat dan Kewangan Islam, Dr. Zaharuddin Abd Rahman turut diadakan bagi mengupas pelbagai isu berkaitan dunia kewangan Islam.

Terima kasih kepada semua pengunjung yang hadir ke reruai YAPEIM sepanjang berlangsungnya PBAKL 2025!

YAPEIM bantu bina rumah baharu peniaga kuih



24 Jun 2025

YAPEIM dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) Perak dan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah mengadakan sesi penyerahan rumah di bawah Program Sinar Lestari YAPEIM kepada Puan Noor Hadina binti Ahmad Marzuki, 52, di kediamannya di Kampung Pendiat, Bota Kanan, Perak.

Puan Noor Hadina yang mengambil upah membuat kuih muih dan menjahit pakaian menerima bantuan bina baharu rumah kediaman daripada YAPEIM bernilai RM80,000.

Gimik serahan replika kunci rumah telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak, merangkap ADUN Belanja, YB Encik Khairudin bin Abu Hanipah.

Turut hadir ke majlis ialah Pengarah PPN Perak, YBhg. Dato' Haji Mohd Zakuan bin Haji Zakaria dan YBrs. Puan Rafizah binti Abas, Ketua Seksyen Pengurusan Projek yang mewakili YAPEIM.

Program Infak Korban Al-Falah YAPEIM 1446H/2025

7 Jun 2025


Korban Al-Falah YAPEIM
قربان الفلاح ياقيم

2025M | 1446H

Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha 1446H, YAPEIM telah melaksanakan Program Infak Korban YAPEIM 2025 yang telah berlangsung dari 7 hingga 10 Jun 2025 bagi menyantuni masyarakat memerlukan melalui pemberian daging korban.

 **Sebanyak 126 lokasi di seluruh negara**
 **Sumbangan 145 ekor lembu**
 **Menghasilkan 12,000 daging korban**
 **Agihan 60,000 penerima manfaat**


IMBAS & BERINFAK BERSAMA YAPEIM

 a.jariah@yapeim.my


Laporan pelaksanaan Korban Al-Falah YAPEIM 1446H/2025

Pecahan Pembekalan Lembu Dalam Negeri

Pecahan Pembekalan Kambing / Bebiri Dalam Negeri


MENGIKUT KATEGORI

Infak	145
Pembekal Infak	8
Pembekal	7
Wakalah	33
JUMLAH EKOR	193

Selangor
 **36 ekor**

- 25 ekor (Infak)
- 11 ekor (Wakalah)

Kedah
 **13 ekor**

- 11 ekor (Infak)
- 2 ekor (Wakalah)

Terengganu
 **19 ekor**

- 7 ekor (Infak)
- 12 ekor (Wakalah)

Kuala Lumpur
 **19 ekor**

- 15 ekor (Infak)
- 4 ekor (Pembekal)

Perlis
 **4 ekor**

- 3 ekor (Infak)
- 1 ekor (Wakalah)

Kelantan
 **14 ekor**

- 12 ekor (Infak)
- 2 ekor (Wakalah)

Negeri Sembilan
 **18 ekor**

- 9 ekor (Infak)
- 8 ekor (Pembekal Infak)
- 1 ekor (Wakalah)

Melaka
 **6 ekor**

- 3 ekor (Infak)
- 3 ekor (Wakalah)

Sarawak
 **7 ekor**

- 7 ekor (Infak)

Perak
 **12 ekor**

- 12 ekor (Infak)

Johor
 **13 ekor**

- 10 ekor (Infak)
- 3 ekor (Pembekal)

Sabah
 **12 ekor**

- 12 ekor (Infak)

Pulau Pinang
 **10 ekor**

- 9 ekor (Infak)
- 1 ekor (Wakalah)

Pahang
 **10 ekor**

- 10 ekor (Infak)


MENGIKUT KATEGORI

Infak	0
Pembekal Infak	0
Pembekal	9
Wakalah	1
JUMLAH EKOR	10

Perak
 **1 ekor**

- 1 ekor (Pembekal)

Selangor
 **1 ekor**

- 1 ekor (Wakalah)

Johor
 **8 ekor**

- 8 ekor (Pembekal)

Program Infak Korban Al-Falah YAPEIM 2025 santuni komuniti Surau Ittihadiyyah



7 Jun 2025



Program Infak Korban Al-Falah YAPEIM 2025 santuni komuniti Polis Bantuan Hospital Kuala Lumpur

9 Jun 2025



Program Infak Korban Al-Falah YAPEIM 2025 santuni komuniti SK Subang

10 Jun 2025





YAPEIM

SEMAI DENGAN KASIH, INFAK DENGAN IMAN



Warkah YAPEIM kepada Penyumbang

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyumbang YAPEIM atas sumbangan yang amat bermakna. Semoga segala keprihatinan dan kemurahan hati ini terus menjadi inspirasi dalam usaha membina masyarakat yang lebih sejahtera dan penyayang.

Imbas kod QR melalui aplikasi pilihan untuk menyumbang kepada Tabung Amanah YAPEIM



Terus Melonjak Memacu Kejayaan
www.yapeim.my